

# LPT: Terengganu perlecehkan Pusat

BH 19 SEP 2000

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin—Hasrat kerajaan Terengganu untuk membina sendiri lebuh raya di negeri itu disifatkan sebagai satu cubaan untuk memperlecehkan Kerajaan Pusat.

Ketua Pegawai Operasi Akademi Pemuda Umno Malaysia, Dr Zambry Abdul Kadir, berkata kerajaan Pas itu sebenarnya tidak mampu membina lebuh raya berkenaan terutama setelah tidak menerima lagi wang tunai daripada Kerajaan Pusat melalui Petronas yang kini diberi dalam bentuk projek menerusi wang ihsan.

"Ini semacam satu perangkap kerana kerajaan negeri pimpinan Pas itu nanti akan memberitahu rakyat Terengganu pembinaan lebuh raya itu gagal kerana tiada lagi menerima wang daripada Petronas yang sepatutnya diterima rakyat Terengganu.

“

**Mungkin mereka ada perancangan sendiri, iaitu menswastakan pembinaan lebuh raya tetapi tanpa tol. Apakah ada syarikat swasta yang sanggup membina lebuh raya tanpa jaminan pulangan melalui kutipan tol?**

”

— Ketua Pegawai Operasi Akademi Pemuda Umno Malaysia, Dr Zambry Abdul Kadir

“Mungkin mereka ada perancangan sendiri, iaitu menswastakan pembinaan lebuh raya tetapi tanpa tol. Apakah ada syarikat swasta yang sanggup membina lebuh raya tanpa jaminan pulangan melalui kutipan tol?,” katanya.

Akademi Pemuda Umno ialah pusat latihan dan penyelidikan sayap kanan parti itu yang dijangka di-

kata nak buat lebuh raya dari Pahang ke Terengganu tetapi selepas pilihan raya, mereka kata nak buat untuk Pahang saja. Bila kita kata nak buat lebuh raya sendiri, tiba-tiba mereka kata nak buat lebuh raya sendiri,” kata Timbalan Presiden Pas itu.

Semalam, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata Kerajaan Pusat tidak menghalang Terengganu membina lebuh raya sendiri, walaupun Kabinet memutuskan pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) akan dimulakan serentak di Pahang dan Terengganu bulan depan.

Zambry menyifatkan kenyataan Abdul Hadi itu sebagai permainan politik setelah baru-baru ini merunggut bahawa mereka memerlukan wang royalti minyak dalam urusan pentadbirannya un-

tuk menyediakan kemudahan kepada rakyat negeri itu.

Antara alasan Menteri Besar Terengganu itu ialah penghapusan tol di Jambatan Sultan Mahmud, penghapusan cukai pintu rumah kediaman dan pemberian pinjaman perumahan tanpa faedah untuk kakitangan kerajaan negeri adalah antara sebab Terengganu memerlukan wang itu.

Zambry yang juga ahli exco Pemuda Umno berkata, perangkap Abdul Hadi itu nanti akhirnya akan memperlihatkan Kerajaan Pusat sebagai pihak yang bertanggungjawab menidakkan pembangunan Terengganu.

lancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Kelmarin, Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang mengumumkan bahawa kerajaan negeri itu mempunyai kemampuan untuk membina lebuh raya berkenaan.

“Sebelum pilihan raya mereka (Kerajaan Pusat)